

Selangor belum tahu di mana akan beraksi

Mengapa jadi begini?

■ KUALA LUMPUR 16 JAN.

SELANGOR, pasukan yang sarat dengan sejarah kegemilangan dalam bola sepak tempatan bagaimanapun berdepan situasi paling menyedihkan menjelang pembukaan Liga Super bulan depan apabila masih belum pasti di mana akan beraksi musim ini.

Selepas dinafikan peluang menggunakan gelanggang keramat mereka, Stadium Shah Alam, Selangor yang pernah mengungguli 33 Piala Malaysia, enam liga utama serta lima Piala FA memohon untuk menjadikan Stadium Nasional, Bukit Jalil sebagai 'home venue'.

Bagaimanapun, pasukan itu bakal berdepan banyak kesukaran jika meneruskan hasrat tersebut kerana pelbagai acara yang akan diadakan Stadium Nasional tahun ini mampu menjajakan jadual pertandingan, kata Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Menurut Tunku Ismail, pihak pengurusan stadium telah mengesahkan empat daripada enam perlawanan pertama Selangor sebagai tuan rumah perlu dipinda bagi memenuhi jadual acara yang akan dilangsungkan di stadium tersebut, malah lebih banyak pindaan mungkin

perlu dilakukan selepas itu.

Katanya lagi, Football Malaysia Limited Liability Partnership (FMLLP) dan pengurusan stadium berusaha mengkaji perkara itu tetapi mustahil untuk memberi jaminan stadium tersebut tersedia sepanjang tahun.

"Jika terdapat perubahan jadual pertandingan berpunca dari isu ini sudah tentu FMLLP akan dipersalahkan dan kita tidak bergerak seiringan ke arah penjadualan yang lebih stabil.

"Kita mesti bergerak ke depan, jadi Selangor tidak boleh memberi alasan Stadium Selangor tidak boleh diguna pakai hanya disebabkan lampu limpah yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan FMLLP.

"Adalah menjadi tanggungjawab Selangor untuk menaik taraf lampu limpah tersebut bagi mematuhi piawaian yang telah ditetapkan FMLLP agar boleh beraksi di waktu malam.

"Pasukan seperti PJ Rangers (AirAsia) sanggup melabur untuk stadium MBPJ demi memastikan gelanggang tersebut lebih sesuai, apatah lagi pasukan Liga Super seperti Selangor?"



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM (kanan) mendedahkan banyak masalah akan timbul jika Selangor meneruskan hasrat menjadikan Stadium Nasional, Bukit Jalil sebagai gelanggang tuan rumah musim ini.

"Saya sedar akan terdapat kritikan kepada saya dan FMLLP kerana terlalu tegas dalam isu berkaitan peraturan pertandingan tetapi saya sedang cuba menaikkan nilai dan meningkatkan pendapatan melalui hak penyiaran kepada semua pasukan dan memastikan kemajuan.

"Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing, bukan hanya menikmati faedah dari kemajuan ini tetapi tidak

mahu menyumbang," kata Tunku Ismail dalam kenyataan di Facebook FAM, hari ini.

Liga Super musim 2018 akan membuka tirai menerusi aksi Piala Sumbangsih antara Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Kedah pada 13 Februari, manakala Selangor memulakan kempen dengan menentang Kuala Lumpur di Stadium Kuala Lumpur, Cheras pada 14 Februari.

Selangor menggunakan Stadium Selangor sebagai 'home venue' mereka sepanjang Liga Malaysia musim lalu.



HASRAT Selangor untuk menjadikan Stadium Nasional, Bukit Jalil sebagai gelanggang tuan rumah musim ini mungkin tidak menjadi kenyataan.